

Pertandingan berpasukan dalam pemilihan Umno

Kod etika tentukan

BH 30 JAN 2000

Oleh JOHNNY GILES SENIN

KUALA LUMPUR: Kod etika pemilihan Umno yang akan diputuskan minggu depan akan menentukan sama ada pertandingan berpasukan dibenarkan atau tidak, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

“Pada waktu ini, kita tunggu etika pertandingan itu diluluskan oleh Majlis Tertinggi (MT) dalam mesyuarat akan datang (4 Februari),” katanya ketika ditanya mengenai pertandingan merebut jawatan Ketua Wanita Umno, selepas pelancaran bangunan Menara America International Assurance (AIA) di sini semalam.

Kelmarin, *Berita Harian* melaporkan bekas Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, mengesahkan akan mencabar penyandang jawatan itu, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, pada pemilihan Mei ini.

Rafidah menegaskan keputusan itu dibuat untuk membetulkan semula pergerakan berkenaan yang didakwa sudah tersasar dari landasan perjuangan sebenar.

Beliau juga dilaporkan mengajak Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, untuk bertanding jawatan Naib Ketua Wanita, yang disandang oleh Datuk Napsiah Omar.

Dalam temu bual eksklusif itu Rafidah menjelaskan beliau menolak cadangan segelintir pihak supaya bertanding jawatan Naib Presiden kerana mahu memimpin Wanita Umno yang didakwa dilanda pelbagai masalah, terutama perpaduan tidak jitu, selepas beberapa Exco dipecat tanpa alasan, Ogos lalu.

Rafidah, yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, pernah mengetuai pergerakan itu selama 12 tahun sebelum Dr Siti Zaharah yang menewaskannya dalam pemilihan pada 1996.

LIHAT MUKA 2

MT belum buat keputusan

DARI MUKA 1

BH 30 JAN 2000

Abdullah yang menjalankan tugas Timbalan Presiden Umno berkata keputusan yang akan dibuat kelak, akan berkuatkuasa serta-merta.

“Sekarang agaknya mereka (yang berkempen) tengah seronok,” katanya.

Ditanya sama ada kod etika itu akan melarang gandingan berpasukan, beliau berkata: “Nantilah... MT belum buat keputusan lagi.”

Mengenai penyebaran khabar angin berkaitan keadaan kesihatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata ada pihak tertentu yang nakal dan sentiasa berusaha untuk merosakkan atau mengganggu kestabilan ekonomi negara yang mula meningkat kini.

Katanya, tindakan berniat buruk itu sentiasa sengaja diada-adakan dari semasa ke semasa oleh pihak

berkenaan kerana mereka tidak senang hati dengan keadaan kestabilan ekonomi dan pasaran negara yang semakin baik.

“Mereka menyebarkan berbagai cerita, khabar angin dan tuduhan untuk merosakkan negara supaya rakyat tidak yakin, tidak senang hati serta menyusahkan kerajaan.

“Kumpulan ini tidak mempunyai rasa kecintaan atau sayang terhadap ne-

gara ini.

“Mereka mahu kerajaan susah supaya kemudian boleh dengan senang mereka membuat berbagai-bagai tuduhan,” katanya.

Beliau berkata kalau berlaku sesuatu yang perlu diketahui oleh rakyat mengenai seseorang pemimpin negara, kerajaan akan beritahu.

“Takkan kita bohong, buat apa kita nak bohong,” katanya.